



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**NAZIR KHAS (B.3)  
JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**NAZIR KHAS**

**JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahasa Melayu / *Geography* / *History* / *Mathematics* / Pendidikan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai pengalaman mengajar dalam salah satu mata pelajaran seperti berikut sekurang-kurangnya lima (05) tahun:
  - i. Bahasa Melayu;
  - ii. *Geography*;
  - iii. *History*; dan
  - iv. *Mathematics*.
3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
5. Menunjukkan kebolehan dan keyakinan untuk menilai dan menasihati tenaga pengajar dan pentadbir sekolah serta Institusi Pendidikan.



6. Menunjukkan sifat-sifat kepimpinan, inovatif dan proaktif dalam melaksanakan tugas.
7. Mempunyai pengetahuan yang luas tentang sistem pendidikan negara dan antarabangsa pedagogi dan amalan-amalan terbaik dalam aspek pembelajaran dan pengajaran, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / *Geography* / *History* / *Mathematics*.
8. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengendalikan kursus, bengkel atau seminar berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu / *Geography* / *History* / *Mathematics*.
9. Mempunyai kebolehan merancang, menyediakan kertas kerja dan mengendalikan kaji selidik adalah kelebihan.
10. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyelia, menilai, membimbing dan menasihati para pengajar dan pentadbir sekolah atau institusi pendidikan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran serta sahsiah para pelajar;
2. Menyediakan laporan hasil daripada penyeliaan, penilaian dan pemantauan yang dikendalikan di sekolah yang terlibat;
3. Mengendalikan dan menyelia kursus-kursus atau bengkel serta merancang dan melaksanakan kaji selidik dalam bidang mata pelajaran terutama bagi mata pelajaran yang berkaitan;
4. Memantau pelaksanaan dasar-dasar, projek-projek dan program-program Kementerian Pendidikan yang berjalan di sekolah-sekolah dari semasa ke semasa; dan
5. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.